

JABATAN KORPORAT  
TARIKH: 17.03.2023 MASA :05.20pm

MUKTAMAD



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN  
**YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA  
**MAJLIS PERASMIAN TNB RETAIL PENANG GARDEN  
OF HOPE**

TARIKH / MASA / TEMPAT  
**22 MAC 2023 (RABU)  
1.00 PETANG**

**WISMA TNB  
JALAN PERDA BARAT  
BANDAR PERDA**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

**Yang Berusaha Ir. Ts. Norhizami bin Abu Hassan**  
Ketua Retail Negeri (Pulau Pinang)

**Warga Kerja TNB Perda**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, dapat kita bersama-sama pada petang ini dalam **Majlis Perasmian TNB Retail Penang Garden of Hope** di Wisma TNB Perda.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih saya kepada Yang Berusaha Ir. Ts. Norhizami bin Abu Hassan, Ketua Retail Negeri (Pulau Pinang) dan pihak pengurusan TNB kerana telah sudi menjemput saya dan seterusnya merasmikan **TNB Retail Penang Garden of Hope** di TNB Perda.
3. Saya ingin juga mengucapkan tahniah dan syabas kepada urusetia pengajur dan semua yang terlibat kerana bertungkus lumus menganjurkan dan menjayakan program istimewa pada hari ini.
4. Majlis Bandaraya Seberang Perai amat komited dalam merangka strategi ke arah mewujudkan sebuah bandar raya rendah karbon yang

berdaya huni dengan menjadi Bandar Raya Neutral Karbon pada tahun 2030; dan Bandar Raya Sifar Karbon pada tahun 2050. Antara fokus MBSP adalah penanaman pokok di Seberang Perai bagi menyerap karbon, menghasilkan oksigen dan mengawal penghasilan gas rumah hijau; aktiviti kitar semula; pengurusan sisa pepejal (*sustainable waste management*); penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui (RE); penggunaan lampu jalan LED dan banyak lagi.

5. Ini juga bertepatan dengan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjadi negeri hijau yang pertama di Malaysia dengan tumpuan kepada aspek pembangunan dan pencapaian kualiti hidup yang tinggi yang termaktub dalam Penang2030 “*A Family-Focused Green and Smart States That Inspires The Nation*”.
6. ESG ialah akronim untuk *Environmental, Social and Corporate Governance* atau Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus yang merupakan satu rangka kerja yang diterima pakai untuk mencerminkan aspirasi organisasi korporat yang mengambil kira elemen alam sekitar, social dan tadbir urus dalam setiap operasi organisasi, syarikat atau badan swasta.

7. *Environmental, Social and Governance* (ESG) merupakan kriteria yang digunakan untuk menilai kesan amalan dan pelaksanaan sesebuah syarikat kepada prestasi kewangan dan operasi mereka. Pada mulanya, ESG hanya digunakan untuk mencari pelabur yang berpotensi dan sesuai. Namun, sekarang ESG telah menjadi tumpuan para pelabur kerana pihak kerajaan turut memberi perhatian kepada ESG dan orang ramai juga sudah mempunyai kesedaran mengenai pengaruh ESG untuk sesebuah syarikat. Banyak syarikat besar yang didagangkan di pasaran saham seluruh dunia melaporkan inisiatif ESG mereka dalam laporan syarikat.
8. Faktor “*Environmental*” menunjukkan pengaruh sesebuah syarikat terhadap alam sekitar dan keupayaan mereka untuk mengurangkan kesan negatif kepada persekitaran. Secara amnya, syarikat akan dinilai dengan penggunaan tenaga, penghasilan sisa, tahap pencemaran, penggunaan sumber dan kebijakan haiwan.
9. Faktor “*Social*” merupakan hubungan antara sesebuah syarikat dengan syarikat lain dan komuniti setempat. Faktor sosial mengambil kira kepelbagaian, hak manusia dan juga perlindungan pengguna.

10. Faktor “Governance” mengambil kira urus tadbir syarikat dan hubungan dengan orang yang penting dalam syarikat termasuk pekerja dan pemegang saham. Urus tadbir syarikat yang betul dan telus boleh mengelakkan konflik. Selain itu, jika syarikat ditadbir dengan baik, lebih ramai pelabur akan berminat untuk membuat pelaburan dan pekerja yang mahir juga akan setia untuk berkhidmat di syarikat tersebut.
11. Penglibatan sektor swasta dalam usaha untuk memulihara dan mengurus khazanah negara melalui pensijilan karbon akan dapat meningkatkan Indeks *Environmental, Social and Governance* (ESG) syarikat dan bukan sahaja terhad semata-mata sebagai satu aktiviti tanggungjawab sosial korporat (*corporate social responsibility*). Malah aspek pelaporan kelestarian (*sustainability report*) dalam bidang perniagaan telahpun menjadi satu keperluan sektor swasta pada masa kini. Saya amat berharap banyak lagi pihak-pihak swasta mengambil peluang ini untuk bekerjasama sebagai rakan strategik ke arah meningkatkan lagi usaha-usaha pemuliharaan alam sekitar.
12. Tenaga Nasional Bhd (TNB) telah menyahut agenda negara ke arah matlamat kelestarian alam sekitar, sosial dan tadbir urus *Environmental, Social and Governance* yang memberi komitmen yang

berterusan dalam hala tuju kelestarian syarikat menerusi aspirasi untuk mencapai pelepasan sifar bersih (*net zero emissions*) menjelang tahun 2050 dengan memperkuuhkan usaha terhadap inisiatif ke arah pengurangan karbon dan peralihan kepada Tenaga Boleh Diperbaharui (*Renewable Energy*) yang semestinya memberi impak yang sebaiknya terhadap kesajahteraan rakyat.

13. TNB berhasrat untuk menjadi warga korporat yang bertanggungjawab kepada pembangunan negara melalui peningkatan kapasiti dan peningkatan sosio-ekonomi, dan komited untuk beroperasi dan berkembang dengan cara yang mampan, di samping menyediakan tenaga berdaya harap dan berpatutan, serta lain-lain perkhidmatan berkaitannya.
14. Sebagai mendokong aspirasi TNB ke arah *Net Zero Carbon Emission* menjelang 2050, TNB membudayakan ESG (*Environment, Social & Governance*) dalam kerja-kerja harian. Pelancaran pada hari ini adalah salah satu simbolik inisiatif ESG TNB Retail Penang dengan sokongan MBSP dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. TNB akan meneruskan komitmen dan sokongan terhadap Wawasan Penang2030, untuk menjadi negeri hijau.

15. Hari ini merupakan pelancaran atau perasmian Taman TNB Retail yang disediakan di satu sudut di perkarangan Wisma TNB Perda sebagai simbolik inisiatif pembudayaan ESG di kalangan warga kerja TNB.
  16. Syabas dan Tahniah saya ucapkan kepada TNB atas usaha yang dilaksanakan ini dan berharap TNB akan terus menyokong hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan komitmen MBSP dengan melaksanakan dan menjalankan aktiviti-aktiviti seperti penanaman pokok, mengumpul minyak terpakai, aktiviti kitar semula dan lain-lain.
  17. MBSP akan terus menyokong usaha TNB dalam pelaksanaan program dan aktiviti ke arah kelestarian alam sekitar.
  18. Memandangkan umat Islam bakal menyambut kehadiran bulan Ramadhan pada minggu hadapan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Bulan Ramadhan buat semua warga kerja TNB dan para hadirin sekalian yang beragama Islam. Semoga Ramadhan kali ini membuka lembaran baru untuk kebahagian dan keberkatan dunia dan akhirat kita semua.

19. Marilah kita bersama-sama membantu MBSP untuk menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami dan menjadi satu masyarakat yang sangat prihatin terhadap kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar dan terlibat secara aktif dalam menjayakan aktiviti kitar semula.

Akhir kata, dengan lafaz suci **Bismillahir Rahmanir Rahim** saya merasmikan TNB Retail Penang Garden of Hope Wisma TNB Perda.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***